

Terma dan Syarat

DEFINISI

Dalam Terma dan Syarat ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain atau jika ia dinyatakan secara nyata, ungkapan berikut mempunyai makna yang diberikan kepada mereka, iaitu,

“AmMetLife”, “Kami”, “Syarikat” merujuk kepada AmMetLife Insurance Berhad (197301002252) dan merangkumi semua atau mana-mana entiti dalam AmMetLife Insurance Berhad.

“Kempen” merujuk kepada “Kempen AmMetLife HealthCare Choice + HCC BoostUp Sign Up Reward”

“Pelanggan” merujuk kepada individu yang membeli gabungan HealthCare Choice + HCC BoostUp sama ada daripada saluran Bancassurance.

Tempoh Kempen

1. Kempen ini sah dari **3 Januari 2022 hingga 30 September 2022** (“Tempoh Kempen”).

Kelayakan

2. Kempen ini hanya terbuka kepada permohonan baharu HealthCare Choice + HCC BoostUp yang memenuhi Terma dan Syarat yang termaktub selepas ini. Untuk mengelakkan keraguan, HealthCare Choice + HCC BoostUp hendaklah dibeli didalam satu transaksi yang sama, sama ada daripada saluran Bancassurance.

Tawaran Kempen

3. Tertakluk kepada Terma dan Syarat yang termaktub selepas ini, semua Pelanggan akan diberi hadiah dengan satu (1) unit baucar Pathlab (“Hadiah Promosi”) berdasarkan kriteria di bawah:

Tahap	Premium Tahunan	Hadiah
Tahap 1	RM1,500 sehingga RM3,599	Baucar tunai Pathlab bernilai RM50
Tahap 2	RM3,600 dan ke atas	Baucar pemeriksaan kesihatan Pathlab bernilai RM220

- i. Borang (-borang) cadangan yang lengkap dan pembayaran diterima dalam Tempoh Kempen selewat lewatnya pada by 30 September 2022 dan seterusnya diluluskan oleh AmMetLife sebelum 17 Oktober 2022; dan
 - ii. Polisi (-polisi) melepasi 15 hari tempoh bertenang.
4. Setiap polisi baru yang diluluskan oleh AmMetLife hanya layak untuk satu (1) Hadiah Promosi. Pelanggan boleh membeli pelbagai polisi daripada AmMetLife, namun setiap Diri yang Diinsuranskan hanya layak menerima maksimum satu (1) Hadiah Promosi sahaja.
 5. Tawaran Kempen tidak sah digabungkan dengan mana-mana tawaran/promosi lain yang sedang berlangsung
 6. Hadiah Promosi akan dihantar ke alamat surat-menyurat Pelanggan yang layak dalam tempoh sembilan puluh (90) hari selepas Tempoh Kempen. Tiada penghantaran akan dibuat ke alamat P.O.Box atau mana-mana alamat di luar Malaysia.
 7. Para pelanggan bertanggungjawab untuk memberikan maklumat hubungan yang tepat dan lengkap sepertimana yang dinyatakan dalam borang cadangan. AmMetLife tidak akan bertanggungjawab sekiranya AmMetLife tidak dapat menghubungi Pelanggan menerusi maklumat yang diberikan oleh Pelanggan seperti dalam borang cadangan. Sekiranya Pelanggan tidak menerima Hadiah Promosi kerana maklumat hubungan yang tidak tepat atau gagal dihubungi menerusi cara yang mencukupi dan wajar dengan sebaik usaha, AmMetLife berhak untuk membatalkan Hadiah Promosi berkenaan.
 8. AmMetLife berhak untuk menggantikan Hadiah Promosi dengan nilai yang serupa mengikut budi bicara mutlak kami tanpa notis. Hadiah Promosi tidak boleh ditukar dengan wang tunai sepenuhnya.

AmMetLife Insurance Berhad (197301002252)

Head Office : Level 24, Menara 1 Sentrum, No. 201, Jalan Tun Sambanthan, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia

+603 2271 8000 ammetlife.com

Postal Address : GPO Box 10956, 50730 Kuala Lumpur

Customer Care : 1300 88 8800 +603 2272 3226 customercare@ammetlife.com

9. AmMetLife mempunyai hak dan budi bicara mutlak untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah mana-mana Terma dan Syarat yang dinyatakan secara khusus di sini, secara keseluruhan atau dalam mana-mana bahagian dari semasa ke semasa termasuk untuk mengubah Tempoh Kempen sebagaimana yang difikirkannya perlu dan sesuai dengan notis melalui laman web atau notis rasmi AmMetLife di cawangan AmMetLife.
10. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan dan/atau mana-mana pihak yang berkaitan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini dan bersetuju untuk membenarkan data peribadi Pelanggan dikumpul, diproses dan digunakan oleh AmMetLife menurut Notis Privasi AmMetLife yang boleh didapati di laman web rasmi AmMetLife di www.ammetlife.com/privacy-policy/.
11. AmMetLife tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa keingkaran yang berkaitan dengan Kempen ini atas sebab-sebab sebarang tindakan Tuhan, peperangan, rusuhan, mogok, penguncian, tindakan perindustrian, api, banjir, kemarau, ribut, wabak virus, kegagalan teknikal atau sistem atau apa-apa peristiwa di luar kawalan AmMetLife yang munasabah.
12. Terma dan Syarat ini tertakluk kepada dan digubal di bawah undang-undang Malaysia.
13. Untuk sebarang bantuan dan/atau maklum balas yang berkaitan dengan Kempen, Pelanggan boleh merujuk kepada wakil jualan bank kami atau pergi ke cawangan AmMetLife terdekat atau bercakap dengan Khidmat Pelanggan kami di 1300 88 8800 atau email kami di customercare@ammetlife.com.

Dikemaskini pada 1 Julai 2022.


AmMetLife Insurance Berhad (197301002252)

Head Office : Level 24, Menara 1 Sentrum, No. 201, Jalan Tun Sambanthan, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia

 +603 2271 8000  ammetlife.com

Postal Address : GPO Box 10956, 50730 Kuala Lumpur

Customer Care:  1300 88 8800

 +603 2272 3226

 customercare@ammetlife.com